


**Bahagian A**

[ 30 markah ]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kesan-kesan penerokaan hutan yang tidak terkawal. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KESAN-KESAN PENEROKAAN HUTAN  
YANG TIDAK TERKAWAL**

**Bahagian B**

[100 markah]

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Anda akan mengambil bahagian dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan anda ialah “Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya.”

Tulis teks syarahan itu selengkapnya.

2. Media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* penting dalam kehidupan pada masa ini, namun telah mendatangkan impak negatif terhadap pemikiran dan gaya hidup anak-anak.

Huraikan peranan ibu bapa untuk mengawal anak-anak dalam penggunaan media sosial.

- 3.

<p><i>Malaysia oh tanah airku Tanah tempat tumpah darahku Negeri elok amat kucinta Yang kupuja sepanjang masa</i></p>
---

Lirik lagu “Malaysia Tanah Airku” di atas menggambarkan kecintaan kita kepada negara Malaysia.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

4. Kemasukan pendatang asing tanpa izin boleh mendatangkan pelbagai impak buruk kepada sesebuah negara dan masalah ini perlu diatasi melalui kerjasama secara global.

Bincangkan.

5. Sesebuah karya sastera seharusnya mengandungi banyak keistimewaan agar boleh menarik minat pembaca.

Ulaskan pernyataan tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**